

## **LEGITIMASI POLITIK: PENGENALAN KEPADA KEPELBAGAIAN TAKRIFAN**

*Sivamurugan Pandian*

### **PENGENALAN**

Legitimasi merupakan perkataan yang semakin hari banyak digunakan di dalam konteks sains politik mahupun sosiologi politik. Takrifan ke atasnya sudahpun wujud berabad lamanya tetapi penekanan ke atasnya hanyalah kelihatan kebelakangan ini sehingga seolah-olah menjadi satu ikon apabila membincangkan senario politik atau kepimpinan seseorang pemimpin. Legitimasi merupakan tunggak kekuatan sesuatu pentadbiran politik terutamanya di dalam suasana peralihan kepimpinan ataupun penerusan sesuatu kepimpinan terutamanya di peringkat arus politik perdana. Kehadiran legitimasi akan membolehkan struktur kepimpinan sesebuah negara terus stabil walaupun ada cabaran serta batasan tertentu yang akan mengganggu proses pentadbiran negara. Di kalangan negara-negara membangun, legitimasi politik penting untuk memastikan proses warisan kepimpinan tidak dicakari dengan insiden rusuhan, demonstrasi mahupun penggulingan kuasa.

### **LEGITIMASI DAN KEPIMPINAN POLITIK**

Selama ini kita seolah-olah terikat dengan pemikiran bahawa kemenangan di dalam pilihan raya adalah satu-satunya cara untuk membolehkan seseorang pemimpin terus berkuasa sedangkan masih ramai yang tidak sedar bahawa terdapat faktor lain yang turut menyumbang pada penerusan sesuatu kepimpinan. Misalnya, pilihan raya di Malaysia dianggap – “no more than a ritual providing a cloak of legitimacy for what is really authoritarian rule”.<sup>1</sup>

Sesungguhnya legitimasi berpusat kepada pemahaman mengenai perhubungan pemimpin dan pengikutnya.<sup>2</sup> Sepanjang 22 tahun pemerintahan Dr. Mahathir, wujud persoalan mengapakah autoriti kepimpinan beliau masih terus menerus diterima oleh sebilangan besar masyarakat Malaysia. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai perspektif yang dikemukakan untuk menyokong sebarang analisis yang dilakukan terutamanya apabila persoalan kepimpinan dihubungkan dengan legitimasi kepimpinan tersebut. Terdapat beberapa aliran pemikiran, tafsiran atau “legitimacy school of thoughts” yang boleh dijadikan sebagai asas perbincangan legitimasi politik Dr. Mahathir, termasuklah perhubungan kepimpinannya dengan ekonomi, personalitinya, agama dan perhubungan antarabangsa.<sup>3</sup>

Perkataan legitimasi telah menarik perhatian ramai apabila Putera Talleyrand menggunakan slogan “Restoration, Legitimacy and Compensation” di dalam Kongres

Vienna pada tahun 1814. Slogan tersebut menekankan bahawa regim yang dibangunkan melalui Revolusi Perancis dan dominasi Napoleon Bonaparte adalah tidak sah kerana ianya berasaskan kepada rampasan kuasa dan bukannya kesinambungan tradisi atau berdasarkan kepada undang-undang.<sup>4</sup> Napoleon telah mengadakan referendum untuk memulihkan kepercayaan terhadap demokrasi tetapi pada waktu yang sama mengeksploitasi legitimasi tradisi monarki dengan berkahwin dengan anak Maharaja yang keabsahannya tidak dipersoal untuk menjadi Maharaja. Kejayaan beliau membentuk kepercayaan ke atas legitimasi sistem yang ada membolehkannya menguasai kuasa tanpa banyak halangan.<sup>5</sup>

Segala tindakan ini menyebabkan rakyat menganggap mereka harus akur dan menerima serta menurut perintah pemegang kuasa. Malahan, sebelum Revolusi Perancis, Louis XVI telah membuat deklarasi suatu kerangka pemerintahan dalam Majlis Perhimpunan Perwakilan yang terpilih, bertujuan untuk mengukuhkan kuasa raja iaitu:

“..... those principles, which are universally accepted by nation, stipulate that to the King alone belongs the sovereign power in his kingdom; that this exercise of power is accountable only to God; that the link which unites the King and the nation cannot by its nature be dissolved; that the mutual obligations of the King and his subjects can only ensure the perpetuation of this union; that the nation has an interest in making sure that the rights of its commander are not changed whatsoever; that the King is the supreme commander of the nation and is one with the nation; finally, that the power to make laws resides in the person of the Sovereign without dependence or division”<sup>6</sup>

Kenyataan di atas turut disokong oleh Jean Jacques Rousseau di dalam bukunya *The Social Contract and Discourses* yang menganggap “the strongest is never strong enough to be always the master, unless he transforms strength into right, and obedience into duty”.<sup>7</sup>

Legitimasi boleh dianggap wujud apabila “ruler possesses an acknowledged right to command, and the ruled have an acknowledged obligation to obey”. Maka itu, ianya lebih merupakan “command-obedience relationship” yang juga merupakan asas penulisan Weber di dalam buku *Theory of Economic and Society*.<sup>8</sup> Sebenarnya perbincangan ke atas legitimasi politik tidak lengkap tanpa membincangkan pemikiran Weber mengenai konsep ini.

Formula legitimasi Weberian merupakan sesuatu yang dominan di dalam perbincangan intelektual mengenai legitimasi dan digunakan secara meluas baik di dalam disiplin sosiologi mahupun sains politik. Max Weber telah membuka ruang penulisan mengenai legitimasi dalam 1890-an dengan menyatakan bahawa:

“..... the behaviour of the ruled, where authority is accepted as legitimate, is influenced in such a way that they obey commands as if they were self-evident, natural, and identical with their own convictions”<sup>9</sup>

Dominasi seseorang pemimpin akan dipersoal jika rakyat mengangapnya

untuk kepentingan peribadi pemimpin tetapi diterima jika berasas kepada tiga prinsip legitimasi yakni tradisionalisme, karisma dan rasional perundangan.<sup>10</sup> Tradisional dilihat sebagai kepercayaan pada “sanctity of the order and the attendant powers of control as they have been handed down from the past, ‘have always existed’”.<sup>11</sup>

Obligasi rakyat dilihat berasas pada kesetiaan peribadi yang tidak terbatas.<sup>12</sup> Malahan di dalam organisasi tertentu, jawatan tertinggi disandang secara pewarisan oleh keluarga atau puak pemerintah.<sup>13</sup> Ini turut didokongi oleh John H. Schaar yang menganggap konsep legitimasi tradisional adalah berpusatkan kepada budaya, undang-undang spiritual atau perlembagaan.<sup>14</sup>

Keabsahan dilihat oleh Weber di dalam masyarakat moden merupakan kepercayaan yang berlandaskan kepada perundangan sementara nilai etika dan estetik pula berupaya untuk mengekalkan legitimasi tersebut. Legitimasi sesuatu kepimpinan diterima kerana rakyat terikat dengan dasar serta peraturan dan dihukum mengikut perlembagaan ataupun prosedur tertentu dan ia dimanifestasikan dalam bentuk autoriti kerana sah disisi undang-undang dan sifatnya yang tidak berbentuk peribadi. Autoriti tidak ada pada seseorang individu tetapi diperolehi melalui jawatan yang disandang mereka, sedangkan legitimasi tradisi bergantung kepada kesetiaan peribadi sepertimana pergantungan masyarakat tradisional kepada institusi raja-raja dan golongan bangsawan. Pemimpin moden berbeza dari pemimpin tradisional kerana banyak mempunyai fungsi yang terhad yang ditentukan oleh kuasa pejabat atau jawatan tersebut.<sup>15</sup> Sementara itu, legitimasi karismatik pula dirujuk kepada kualiti personaliti individu yang dilihat berbeza dengan masyarakat biasa dan dianggap seolah-olah memiliki kuasa atau keupayaan luarbiasa sehingga ada yang melihat mereka sebagai “superhuman”.<sup>16</sup> Individu atau pemimpin yang dilihat sebagai “greatest heroes, prophets and saviours” dianggap memiliki nilai-nilai karismatik dan perlu bertanggungjawab menjalankan kewajipan mereka.

“..... the duty of those who have been called to a charismatic mission is to recognize its quality and to act accordingly. Psychologically this ‘recognition’ is a matter of complete personal devotion to the possessor of the quality, arising out of enthusiasm, or of despair and hope”<sup>17</sup>

Sebagai misalannya, Tipu Sultan di India dilihat menerima legitimasi melalui peranan sebagai pelindung, pemimpin tentera yang kuat serta keberanian beliau dan legitimasi tradisi melalui keturunan.<sup>18</sup> Begitu juga dengan Sukarno di Indonesia dan Peron di Argentina.

Dalam pada itu, ada yang melihat tiga elemen Weber itu dari sudut yang berlainan. Legitimasi tradisional dianggap berkaitan dengan hak mutlak raja-raja, hak ketua puak atau autoriti ibu-bapa. Legitimasi berdasarkan kepada kitab suci Al-Quran ataupun kitab Injil atau kepercayaan tertentu juga dikaitkan dengan faktor tradisi ini. Di bawah kategori rasional undang-undang pula, terdapat teori kontrak sosial yang dikaitkan dengan formula dan amalan demokrasi. Karisma pula dianggap legitimasi bebas dan mampu membentuk autoriti eksklusif. Ia lazimnya merupakan manifestasi perantaraan di mata perundangan ataupun kategori tradisional seperti

kepimpinan Hitler ataupun Stalin.<sup>19</sup>

Sementara itu, terdapat pula kepelbagaian di dalam mendefinisikan konsep legitimasi. Antaranya adalah Lipset. Beliau mendefinisikan legitimasi sebagai:

“..... legitimacy involves the capacity of the system to engender and maintain the belief that the existing political institutions are the most appropriate ones for the society”<sup>20</sup>

Beliau percaya legitimasi terhasil daripada “the degree to which (a political system) is generally accepted by its citizens”.<sup>21</sup>

Lipset juga berpendapat bahawa ujian besar untuk membentuk legitimasi itu adalah cabaran terhadap kemampuan kerajaan untuk melahirkan budaya politik sekular.<sup>22</sup>

“.....Even when the political system is reasonably effective, if at any time the status of major conservative groups is threatened, or if access to politics is denied to emerging groups at crucial periods, the system’s legitimacy will remain in question. On the other hand, a breakdown of effectiveness, repeatedly or for a long period, will endanger even a legitimate system’s stability”<sup>23</sup>

Selain daripada itu, suasana ketegangan yang sederhana sifatnya juga boleh mengekalkan legitimasi sesebuah regim politik, bersesuaian dengan konteks sistem yang sedia ada untuk memainkan peranan menyelesaikan beberapa isu utama sebelum isu baru muncul. Maka itu, sekiranya isu seperti agama, hak ekonomi dan lain-lain berkembang serentak, mungkin gabungan isu tersebut sukar mewujudkan toleransi, dimana sebahagian rakyat mungkin akan bertindak menyokong regim ekstremis atau golongan alternatif. Lipset juga menyatakan bahawa di negara bukan komunis seperti di Ghana, Guinea dan Tunisia atau Mexico terdapat golongan minoriti berpendidikan yang menggunakan gerakan massa dan slogan golongan berhaluan kiri untuk memantau keberkesanan kuasa pemimpin. Pilihan raya pula diadakan sebagai suatu matlamat demokrasi selain menjadi salah satu cara mengukur sokongan masyarakat dengan menjadikan pilihan raya itu sebagai instrumen yang efektif – “for a legitimate turnover in office”.<sup>24</sup>

Keyakinan terhadap legitimasi adalah berfungsi untuk membolehkan sesuatu sistem politik itu memanipulasi pandangan umum seperti yang diketengahkan oleh David Hume<sup>25</sup> yang menganggap bahawa legitimasi terhasil daripada pandangan umum. Sementara itu, Rothbard, misalnya dalam esei kontroversinya “The Death State” di dalam *Libertarian Forum* yang ditulis selepas kejatuhan Saigon pada tahun 1975 membincangkan bagaimana sesebuah kerajaan yang mengabaikan persetujuan majoriti boleh menyebabkannya tidak dianggap sah dan dikritik ramai terutamanya oleh kerana kerajaan tersebut mungkin diganti oleh sesebuah kerajaan yang lebih zalim lagi.<sup>26</sup>

Legitimasi yang terbentuk semestinya merupakan sesuatu yang benar-benar sah tetapi boleh diwujudkan dalam bentuk sokongan pasif ataupun yang berterusan untuk satu jangkamasa panjang memandangkan tidak ada pilihan yang boleh

menggantikan ideologi ataupun institusi serta kepemimpinan yang berkarismatik itu.

Seperti rakyat, pihak berkuasa juga terikat dengan asas normatif legitimasi. Sesetengah objektif mungkin tidak dapat diteruskan manakala sesetengah cara mungkin tidak berlunaskan pada undang-undang. Untuk melanggar norma ini, ianya mungkin akan melemahkan ikatan moral diantara rakyat dan kepemimpinan. Tindakan secara spesifik kerajaan juga mungkin boleh membawa rasa kurang puas hati di kalangan rakyat dan secara beransur-ansur, kerajaan tersebut mungkin kehilangan legitimasi mereka.

Cabaran ke atas legitimasi mungkin boleh dielak sekiranya legitimasi yang dituntut dianggap sesuatu yang wajib dipatuhi atau apabila kumpulan dominan berjaya membuat pengikutnya menyesuaikan diri dengan hak yang dituntut atau meminta ianya dituruti berdasarkan andaian bahawa ianya merupakan satu kewajiban. Ketaatan atau kepercayaan rasional disimpulkan secara logik berdasarkan prinsip yang dipersetujui bersama seperti yang dikatakan oleh Weber iaitu “ what is important is the fact that in a given case, the particular claim to legitimacy is to a significant degree treated as “valid”; that this fact confirms the position of the persons claiming authority”.<sup>27</sup>

Misalnya, di negara-negara Arab pula, legitimasi dilihat banyak bergantung kepada tiga elemen seperti yang dikemukakan oleh David Easton iaitu faktor personal termasuk monarki Arab yang dilihat bukan semata-mata berada ditakhta tetapi turut memerintah termasuklah raja-raja, amir, sheikh atau sultan. Elemen kedua adalah ideologi yang memberi kesan psikologi ke atas mobilisasi sosial terutama dengan pembentukan “political religion” yang menjadi pusat kepada fungsi legitimasi sesuatu sistem. Elemen ketiga pula adalah struktur politik sendiri yang memberi rangka kepada prosedur yang diterima oleh masyarakat terutama di bawah pejabat ulamak, sultan ataupun sheikh.<sup>28</sup>

Jika sekiranya tidak terdapat tanggungjawab untuk menurut apa yang dilaksanakan atau sesuatu yang ditetapkan, maka hubungan di antara rakyat dan pemerintah lebih merupakan perhubungan lemah dan bukannya autoriti menyebabkan legitimasi politik boleh dicabar. Asas bagaimana legitimasi dituntut boleh mempengaruhi struktur dominasi kepemimpinan. Bentuk keakuran atau ketaatan dan tenaga pentadbiran yang dibentuk untuk menyokongnya dan corak autoriti yang dilaksanakan akan bergantung kepada kepelbagaian legitimasi yang dituntut.

Disamping pandangan bahawa tradisi, karisma dan rasional perundangan serta pandangan umum membentuk legitimasi sesuatu kepemimpinan, ada tokoh lain mengemukakan pandangan mereka dari aliran yang berbeza. Antaranya adalah Habermas yang menganggap “a legitimacy ideology is a functional prerequisite for a political system’s stability”.<sup>29</sup> Apa yang jelas adalah terdapatnya kaitan antara sistem dominasi dan kelas atau kumpulan tertentu yang berada di bawah sistem tersebut sebagai legitimasi rasional yang memiliki asas ideologi.

Elemen ideologi penting untuk menjustifikasi dominasi, seperti materialisme sejarah, kepemimpinan majoriti atau hak kebebasan beragama. Habermas juga menyatakan tentang bagaimana ideologi dan justifikasi perlu untuk menstabilkan

sistem politik yang memerlukan legitimasi. Berbeza dengan kedudukan tradisi, kini telah muncul pelbagai kumpulan elit seperti ahli politik, budaya dan ekonomi yang memainkan peranan lebih dominan dalam masyarakat. Keadaan ini menyebabkan kepercayaan dan nilai mereka lebih penting untuk menentukan legitimasi kepimpinan semasa. Kedudukan elit ini akan menentukan hala-tuju seseorang pemimpin menjadikan faktor budaya atau penentu-penentu utama lain antara yang memberi legitimasi kepada masyarakat moden. Malahan kestabilan sosio-ekonomi dan perhubungan relatif antara kedudukan ideal dan kedudukan sebenar adalah suasana yang kondusif untuk sokongan manakala ketiadaan faktor ini boleh merangsang kemunculan pihak penentang. Sokongan kepada budaya akan membentuk nilai tertentu untuk kestabilan institusi politik dan ekonomi. Nilai yang menyokong sesuatu sistem harus menjadi nilai personal supaya kepimpinan yang sedia ada kekal. Ini turut dilakukan dapat melalui ideologi yang dominan.<sup>30</sup>

Ketiadaan satu ideologi yang berlegitimasi menyebabkan institusi ekonomi dan politik di dalam masyarakat boleh juga dilihat wujud tanpa asas spiritual. Misalnya, bagi Muhammad A.Hakim, Islam digunakan sebagai strategi legitimasi untuk membolehkan regim yang lemah mengeksploitasi masyarakat yang majoritinya Islam di Bangladesh. Walaupun Bangladesh diiktiraf sebagai negara sekular tetapi melalui perubahan yang telah berlaku, Islam akhirnya telah dijadikan agama rasmi negara tersebut.<sup>31</sup>

Sementara itu, David Easton pula melihat fungsi “popular belief” di dalam legitimasi sesuatu sistem. Beliau menganggap jika tidak wujud kepercayaan umum, maka agak sukar untuk sistem tersebut berfungsi dengan berkesan atau mendapat sokongan politik.<sup>32</sup> Malahan, “legitimizing belief provides the necessary inducement to accept domination as manifested in governmental rule”.<sup>33</sup>

Hannah Arendt pula tidak menganggap semua prinsip legitimasi sebagai ideologi dan menganggap kemerosotan autoriti di kalangan masyarakat Barat adalah kerana merosotnya hubungan autoriti dengan prinsip moral.

“..... the belief in the rightfulness of a state in its authority to issue commands, so that the commands are obeyed not simply out of fear or self-interests, but because they are believed to have moral authority and the subjects believe that they ought to obey”<sup>34</sup>

Keadaan ini membolehkan legitimasi dianggap sebagai alat perhubungan moral diantara rakyat dan kerajaan. Selagi hubungan ini wujud, majoriti populasi sesebuah negara akan menganggap institusi politik mereka mempunyai kekuatan moral untuk masyarakatnya dan memberi kesetiaan tidak berbelah bahagi ke atas kepimpinan tersebut.<sup>35</sup>

Ini turut disokong oleh Thomas Hobbes yang menjelaskan bahawa ketaatan yang berterusan wujud kerana “out of the ruler’s power” yang melibatkan tingkahlaku, obligasi moral dan kepentingan tertentu.<sup>36</sup> Tanpa asas moral, institusi politik kehilangan nilai intrinsik. Misalnya “Protestant Ethic” mengutamakan insentif motivasi dan disiplin dimana kerja kuat serta kemajuan ditekankan.<sup>37</sup>

David Beetham pula beranggapan bahawa legitimasi merangkumi rangkaian perhubungan di antara beberapa elemen yang saling berhubung kait. Tiga elemen yang dikenal pasti adalah kesahihan perundangan, justifikasi dan persetujuan.<sup>38</sup> Ini bersesuaian dengan pandangan Ian Scott bahawa:

“... If citizens do not hold that the system of power relationships under which they live is legally valid and morally justifiable and if they give no indication of their consent to such a relationship, then the power system will not in the longer term prove to be sustainable”<sup>39</sup>

Di dalam tulisannya bertajuk *Legitimacy to Lead*, Ronald Walters menganggap kedua-dua, konsensus dan persetujuan merupakan kekuatan legitimasi kepimpinan.<sup>40</sup> Ini membawa kepada persoalan sama ada sesuatu pentadbiran memiliki legitimasi yang sepatutnya ataupun sebaliknya. Misalnya, krisis Clinton yakni skandal perilaku seks dengan salah seorang kaki tangan sambil Rumah Putih dianggap telah menyebabkan pemerhati politik menilai semula apakah yang menentukan krisis legitimasi itu, yakni “by whose right or consent, does the leader lead: by right of the political elite power, or by a national consensus that is inclusive”.<sup>41</sup>

Penulis ini juga menganggap bahawa persetujuan yang diberi perlu berasaskan kepercayaan bahawa kepimpinan adalah bersandarkan kepada objektif dan keyakinan bahawa dasar keterbukaan akan menjadi tunggak proses pemerintahan. Autoriti juga bergantung kepada kepercayaan.

“... trust in the use of that power is also present largely due to the mutual commitment of leader and constituent to a common set of norms. So, legitimacy involves both normative – and process – oriented values”<sup>42</sup>

Kepercayaan adalah penting kerana ia mengikat individu di dalam kumpulan untuk membentuk autoriti informal bertujuan memobilisasikan hak serta kepentingan kumpulan tersebut. Kedua, ia merupakan kualiti yang mengengahkan ketelusan kepimpinan yakni pemimpin menggunakan kuasa dan autoriti mereka untuk memenuhi objektif serta kepentingan majoriti.

Keupayaan sesuatu regim untuk mengukuhkan kepimpinan berlandaskan persetujuan dan justifikasi rakyat diperingkat domestik, sekaligus akan menghasilkan pengiktirafan pihak antarabangsa dan boleh menggunakannya sebagai justifikasi untuk mengekalkan kuasa di dalam negara. Oleh yang demikian, legitimasi harus dilihat daripada pelbagai dimensi dan tidak sama sekali terikat dengan definisi asasnya.

Legitimasi juga boleh dipertahankan dengan jayanya jika keperluan material dipenuhi. Keperluan material boleh dilakukan melalui proses ekonomi dan pertumbuhan ekonomi mampu memenuhi tujuan tersebut. Daniel Bell menekankan “entrepreneurial capitalism provided a moral justification by linking achievement and work to property”.<sup>43</sup> Carl J. Friedrich pula menganggap “the ruler who improves the standard of living will be considered legitimate”.<sup>44</sup> Gramsci pula percaya dengan membentuk legitimasi ‘capitalist states’, maka apa sahaja yang bertentangan dengan dasar pembangunan dianggap tidak berlegitimasi.<sup>45</sup> Habermas mengembangkan idea

tersebut dengan menganggap krisis legitimasi yang dikait dengan masyarakat kapitalis dan untuk mengelakkan daripada ketidakupayaan untuk mengagihkan kekayaan yang boleh dianggap rasional. Beliau juga ada menerangkan bahawa krisis legitimasi di kalangan negara demokrasi kapitalis Eropah Barat merupakan perhubungan pekerja – ketua dan bagaimana pekerja membentuk rasa tidak yakin bahawa pengurus dan ketua mereka layak mendapat lebih banyak wang atau pendapatan daripada mereka. Ini menyebabkan arahan yang diterima dianggap tidak sah.<sup>46</sup> Sementara itu, di Thailand pula, terdapat tiga elemen legitimasi sejak 1932. Ia adalah elemen keselamatan, pembangunan dan toleransi. Ketiga-tiganya menjadi teras kepimpinan kerajaan Thailand walaupun sering berubah rejim ataupun berlaku penggulingan kuasa.<sup>47</sup>

Sementara itu, Luhmann mendapati bahawa pembangunan sains dan teknologi juga boleh mengatasi masalah politik dan sosial. Legitimasi teknokratik ini merupakan justifikasi ke atas dominasi baru di dalam masyarakat industri akibat luntarnya prinsip legitimasi tradisi. Legitimasi ini mengutamakan perubahan di dalam proses membuat keputusan dan menganggap prosedur sebagai “mode of action” yang paling berkesan dan sekaligus mengurangkan sebarang kerumitan. Untuk itu, Luhmann menegaskan:

“ ..... efficiency in decision making requires that decisions be disconnected from collective values and motivations of the members of a political community, because these values, if taken into account, would narrow the range of possible decisions”<sup>48</sup>

Kepelbagaian beberapa ‘*legitimacy school of thoughts*’ ini memberi gambaran legitimasi politik melangkaui hubungannya dengan pencapaian di dalam pilihanraya sebagaimana yang telahpun diterangkan di dalam artikel ini.

## **PENUTUP**

Pelbagai takrifan ke atas konsep legitimasi menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor selain daripada prestasi di dalam pilihan raya yang boleh menjadi penentu kepada legitimasi politik seseorang pemimpin. Kepelbagaian definisi ini termasuklah elemen tradisi, karisma, rasional perundangan, ekonomi, ideologi, moral, justifikasi, persetujuan dan teknokratik yang hadir dari analisis sarjana yang berbeza membolehkan legitimasi dilihat secara menyeluruh tanpa terikat dengan mana-mana unsur secara total. Kesemua perspektif dan aspek yang dibincangkan di dalam artikel ini merupakan intipati kepada perbincangan mengenai legitimasi politik di dalam mana-mana sistem pentadbiran negara dan boleh disesuaikan dengan keperluan persekitaran dan suasana negara tersebut.



**NOTAHUJUNG**

- 1 Crouch, Harold (1996), 'Malaysia: Do Elections Make A Difference', di dalam Robert Taylor (ed), *The Politics Of Elections In Southeast Asia*, New York: Woodrow Wilson Center Press, hlm. 114-115.
- 2 Robertson, David (1993), *Dictionary of Politics*, England: Penguin Books, hlm.279. Ia memperlihatkan legitimasi dirujuk kepada 'political obligation' hasil hubungan pemimpin – pengikut di dalam satu sistem politik.
- 3 Sivamurugan Pandian (2004), *Legasi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.
- 4 Bensman, Joseph (1979), 'Max Weber's Concept Of Legitimacy: An Evaluation', di dalam Vidich, Arthur; Glassman, Ronald (1979), *Conflict And Control: Challenge To Legitimacy Of Modern Governments*, London: Saga Publications, hlm.18.
- 5 Muller, Claus (1975), *The Politics Of Communication*, USA: Oxford University Press, hlm.131.
- 6 Ibid., hlm. 129. Ia diambil oleh penulis tersebut daripada Abbe Papon (1788), *Historie du Gouvernement Francois, Depuis l'Assemblée des Notables Tenue le 22 Fevrier 1787 Jusqu'a la Fin de Decembre de la Meme Anee*, London, hlm. 235. Turut dibincangkan oleh Russell, Bertrand (1965), *Legitimacy Versus Industrialism 1814-1848*, London: Unwin Books, hlm. 23-24.
- 7 Rousseau, Jean Jacques (1968), *The Social Contract And Discourses*, London: Everyone's Library, hlm. 6.
- 8 Weber, Max (1964), diterjemah oleh A.M Henderson dan Talcott Parsons, *The Theory Of Social And Economic Organization*, London: Collin-Macmillan Limited.
- 9 Ibid., hlm. 946.
- 10 Ibid., hlm. 328.
- 11 Ibid., hlm. 341.
- 12 Ibid.
- 13 Ibid., hlm. 343.
- 14 John, Schaar (1969), 'Legitimacy In The Modern State', di dalam Philip Green and Sanford Levinson (eds.), *Power And Community*, New York: Random House, hlm.284.
- 15 Muller, Claus (1975), *The Politics Of Communication*, USA: Oxford University Press, hlm.127 – 177.

*Jati, Bilangan 9, Desember 2004*

- 16 Ibid., hlm. 358; Eisentadt, S.N. (1968), *Max Weber On Charisma And Institution Building*, Chicago: University of Chicago Press, hlm. 48-65.
- 17 Ibid., hlm. 359.
- 18 Brittlebank, Kate (1997), *Tipu Sultan's Search For Legitimacy: Islam And Kingship In A Hindu Domain*, Delhi: Oxford University Press, hlm. 153.
- 19 Kitzier, Nicholas (1995), *The War Against Authority: From The Crisis of Legitimacy To A New Social Contract*, Baltimore: John Hopkins University Press, hlm. 251.
- 20 Lipset, S.M (1963), *Political Man: The Social Basis of Politics*, New York: Anchor, hlm. 64.
- 21 Ibid., hlm. 22.
- 22 Ibid.
- 23 Ibid., hlm. 67 – 68.
- 24 Ibid.
- 25 Hume, David (2000), dipetik di dalam Stromberg, Joseph, 'Legitimacy', <http://www.mises.org/fuustory.asp?control=555&FS=legitimacy>, dilayari pada 6 Desember 2001.
- 26 Ibid.
- 27 Bensman, Joseph (1979), 'Max Weber's Concept Of Legitimacy: An Evaluation', di dalam Vidich, Arthur; Glassman, Ronald (1979), *Conflict And Control: Challenge To Legitimacy Of Modern Governments*, London: Saga Publications, hlm. 214.
- 28 Hudson, Michael (1979), *Arab Politics: The Search For Legitimacy*, USA: Yale University Press, hlm. 18-25.
- 29 Habermas, Jurgen (1973), *Legitimation Crisis*, Boston: Beacon Press.
- 30 Ibid.
- 31 Muhammad A.Hakim (1998), "The Use Of Islam As A Political Legitimization Tool: The Bangladesh Experience, 1972-1990", *Asian Journal of Political Science*, Vol:6, No:2.
- 32 Easton, David (1965), *A System Analysis of Political Life*, New York: Wiley, hlm 310.
- 33 Muller, Claus (1975), *The Politics of Communication*, USA: Oxford University Press, hlm.130.
- 34 Wrong, Dennis, H. (1979), *Power: Its Form, Bases and Uses*, New York:Harper & Row, hlm.49.

*Sivamurugan - Legitimasi Politik*

- 35 Busch, Peter (1974), *Legitimacy And Ethnicity: A Case Study Of Singapore, USA*: Lexington Books, hlm. 1.
- 36 Hobbes, Thomas (1950), *Leviathan*, New York: E.P. Dutton and Co.
- 37 Weber, Max (1958), *The Protestant Ethic And The Spirit Of Capitalism*, New York: Scribner, hlm.181 – 182.
- 38 Beetham, David (1991), *The Legitimation Of Power*, London: Macmillan.
- 39 Scott, Ian (1993), 'Legitimacy And Its Discontents: Hong Kong And The Reversion To Chinese Sovereignty', *Asian Journal of Political Science*, Vol.1:1.
- 40 Ronald Walters (2001), *Legitimacy To Lead*, <http://www.academy.umd.edu>, dilayani pada 3 Desember 2001.
- 41 Ibid.
- 42 Ibid.
- 43 Bell, David (1971), *The Cultural Contradiction of Capitalism*, New York: New American Library, hlm. 52.
- 44 Friedrich, Carl J (1963), *Man And His Government*, New York: McGraw Hill, hlm. 243.
- 45 Gramsci, A (1971), di dalam Q.Hoare dan G.N Smith (eds), *Prison Notebooks: Selections From*, New York: International Publishes.
- 46 Habermas, Jurgen (1973), *Legitimation Crisis*, Boston: Beacon Press.
- 47 McCargo, Duncan (2002), 'Security, Development And Political Participation in Thailand: Alternative Currencies of Legitimacy', *Contemporary Southeast Asia*, Vol:24:1, Singapura: Institute Of Southeast Asian Studies.
- 48 Muller, Claus (1975), *The Politics of Communication*, USA: Oxford University Press.